

# USAHA PENGUMPULAN MAKLUMAT RISIKAN DITINGKATKAN: RASHID

**LABUAN:** Agensi keselamatan Malaysia sedang meningkatkan usaha pengumpulan maklumat risikan dan kerjasama rentas sempadan dengan rakan sejawatan dari Filipina bagi menangani jenayah rentas sempadan dengan berkesan, khususnya di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE).

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Abdul Rashid Harun berkata kerjasama dalam pertukaran maklumat mengenai jenayah rentas sempadan kini sedang dijalankan.

"Walaupun kerajaan Filipina membenarkan pasukan keselamatan Malaysia memasuki perairan negara itu untuk menyelesaikan isu penculikan, kami merasakan pertukaran maklumat antara pasukan keselamatan di kedua-dua negara perlu dipertingkatkan.

"Agensi keselamatan kami tidak biasa dengan tempat persembunyian penculik, dan untuk kami memasuki kawasan mereka bukanlah satu langkah yang bijak.

"Oleh itu, meningkatkan pertukaran maklumat dan kerjasama rentas sempadan adalah lebih penting," katanya pada sidang media selepas lawatan kerja beliau di Balai Polis Labuan kelmarin.

Presiden Filipina Rodrigo



**RAKAM KENANGAN ...** Rashid bersama Razarudin (kiri), Madzainal (berbaju kot), Azmir serta Pegawai dan Anggota merakamkan gambar di hadapan IPD Beaufort. -Cerita lanjut lihat Muka 2

Duterte, dalam lawatan sulungnya ke Malaysia baru-baru ini, memberikan kebenaran kepada pasukan keselamatan Malaysia memasuki perairan negara itu dalam usaha bukan sahaja untuk menjejak penculik, tetapi juga

militan yang menceroboh pantai timur Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang menganggap ia satu perkembangan baharu dalam hubungan Putrajaya-Manila dilaporkan

berkata, dua pemimpin bersetuju mengenai keperluan untuk menghapuskan risiko keselamatan yang turut menjejaskan Indonesia.

Sementara itu, Abdul Rashid berkata kontinjen polis Sabah telah

melakukan yang terbaik dalam melindungi keselamatan negeri dan kedaulatan negara.

"Kami meningkatkan program latihan dan mempergiatkan persiapan pertempuran menentang keganasan, yang belum pernah dilakukan sebelum ini," katanya.

Abdul Rashid berkata aspek keselamatan Sabah agak berbeza (dari segi ancaman) dengan keluasan 1,733.7 kilometer di sepanjang pantai di negeri ini dari Kudat ke Tawau dan dikelilingi oleh 361 pulau yang ada antaranya terletak berdekatan selatan Filipina, yang memerlukan pengawasan lebih konsisten.

"Justeru, kami tidak dapat menolak kemungkinan jenayah rentas sempadan seperti penculikan, tetapi kami terus meningkatkan pengawasan di perairan negeri untuk membendung kejadian sedemikian," katanya.

Sebelum itu Rashid yang diiringi Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Razarudin Husain dan Ketua Polis Cawangan Khas PDRM Sabah Madzainal Bin Rahmat melakukan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Polis Beaufort.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Polis Daerah Azmir Abd Razak dan semua Pegawai dan Anggota PDRM Ipd Beaufort.